

11 JUN 2002

Mahathir-Luxembourg/I

DR MAHATHIR TIBA DI LUXEMBOURG UNTUK PIKAT PELABUR

Oleh Mohd Fisol Jaafar

LUXEMBOURG, 11 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini malam ini dari Geneva, Switzerland untuk memulakan lawatan rasmi dua hari ke Luxembourg, satu lagi pusat kewangan Eropah.

Lawatan itu, yang pertama oleh Perdana Menteri Malaysia, bertujuan merapatkan lagi hubungan diplomatik yang mesra antara Kuala Lumpur dan Luxembourg serta bertukar-tukar pendapat dengan negara Kesatuan Eropah (EU) yang kecil tetapi berpengaruh ini mengenai isu-isu antarabangsa dan serantau khususnya mengenai keganasan, globalisasi dan proses damai Asia Barat.

Dan yang lebih penting, lawatan itu dapat menyediakan peluang untuk meningkatkan lagi hubungan ekonomi dua hala Malaysia-Luxembourg, dengan Luxembourg sebagai pusat kewangan terkemuka di Eropah menjadi tuan rumah kepada lebih 200 bank dan kira-kira 1,500 dana pelaburan.

Ketika ditemui di sini hari ini, Duta Malaysia ke Belgium dan bertanggungjawab di Luxembourg Datuk Deva Mohd Ridzam berkata Luxembourg ialah portfolio pelabur utama di kalangan negara-negara Eropah lain di Malaysia.

Pengurus-pengurus portfolio tidak berganjak semasa Malaysia mengalami krisis kewangan Asia 1997-1998 kerana mereka mempunyai keyakinan penuh dalam ekonomi Malaysia dan asas-asasnya, kata beliau.

Bagi Malaysia, Luxembourg ialah "rakan" penting di Eropah kerana pengaruhnya di EU yang mempunyai 15 negara anggota.

Luxembourg memainkan peranan penting dalam pembentukan kesatuan itu yang menyingkirkan halangan-halangan dalam politik, imigresen dan perdagangan kecuali perkhidmatan kewangan.

Perdana Menteri juga dijangka memikat pengurus-pengurus dana supaya mengambil peluang daripada inisiatif Malaysia dalam sektor kewangan dan perbankan dengan menjadikannya sebagai pusat mereka di Asia termasuk menggunakan Labuan bagi operasi perbankan dan pelaburan pesisir pantai mereka.

Acara utama dalam agenda Dr Mahathir ialah mesyuarat dua hala dengan rakan sejawatannya di Luxembourg, Jean Claude Juncker, di Istana Senningen di sini tengah hari esok dengan mereka dijangka bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu antarabangsa serantau dan kontemporari.

Terdahulu, pada paginya, Dr Mahathir akan diberikan sambutan negara di Medan Clairefontaine sebelum menghadap Grand Duke Henri di Istana Grand Ducal.

Pada tengah harinya, Perdana Menteri dijadualkan menemui presiden Parlimen Luxembourg Jean Spautz dan anggota-anggota Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Negeri dan Eropah serta Pertahanan sebelum diraikan oleh Menteri Ekonomi dan Pengangkutan Henri Grethen dalam satu jamuan tengah hari bersama-sama masyarakat perniagaan.

Selepas itu, Dr Mahathir dijangka menyampaikan ucaptama semasa sesi perniagaan di mana beliau akan mengadakan dialog dengan golongan perniagaan Luxembourg.

Beliau kemudian akan diraikan dalam satu jamuan negara oleh Perdana Menteri Juncker di Istana Senningen.

Keesokannya, Perdana Menteri akan menghadiri satu mesyuarat sambil bersarapan dengan Presiden Central Bank of Luxembourg, Yves Mersch. Antara yang dijangka menyertai mesyuarat itu ialah Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Sebelum pulang ke tanah air pada petangnya, Dr Mahathir dijadualkan melawat kilang International Electronics and Engineering (IEE), yang muncul sebagai peneraju global dalam teknologi sensing terutamanya bagi keselamatan pasif dalam aplikasi automotif.

Deva berkata Luxembourg menawarkan pelbagai potensi untuk Malaysia terutamanya dalam sektor kewangan dan perbankan serta perdagangan.

Malaysia tiada pelaburan di Luxembourg tetapi negara ini melabur di Malaysia dalam sektor pengeluaran, pengeluaran komponen elektronik dan minyak sawit.

Cargolux, syarikat pembekal perkhidmatan kargo udara Luxembourg, mengadakan enam penerbangan pergi balik ke Kuala Lumpur dan enam penerbangan ke Pulau Pinang dengan membawa komponen elektronik serta alat-alat ganti elektronik untuk syarikat-syarikat besar seperti Western Digital, Intel, IBM, Minolta, Sony, Ericsson, Alcatel dan Yamaha.

Perdagangan dua hala, yang berjumlah Euro 11 juta (Euro 1=kira-kira RM3.60) pada 2001, juga memihak kepada Luxembourg.

Pada tahun yang sama, Malaysia mengeksport barangan bernilai Euro 4.2 juta kepada Luxembourg dan mengimport produk bernilai Euro 6.8 juta.

Eksport utama Malaysia ke Luxembourg ialah produk plastik dan getah, tekstail, jentera, komponen elektronik, peralatan ketepatan dan produk pertanian manakala barangan import adalah logam dan produk logam, jentera, produk plastik dan getah, batu permata, tembikar dan barangan kaca.

-- BERNAMA

MFJ AZH ABG NAK